

09 OKTOBER 2017

Kementerian Pendidikan, KDN patut bekerjasama

TANGANI MASALAH PENYALAHGUNAAN DADAH PELAJAR SEKOLAH

Kementerian Pendidikan, KDN patut bekerjasama



(FOTO AMRAN HAMID/BH)

Ahmad Bashah bersama Mahdzir ketika mengadakan lawatan kerja di Kampung Padang Nyiur, semalam.

➔ 420 sekolah berisiko tinggi pelajar terbabit dalam gejala tidak sihat

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
bhnews@bh.com.my

► Padang Terap

Kementerian Pendidikan sedia bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) menangani masalah penyalahgunaan dadah membabitkan pelajar di negara ini yang didakwa serius.

Menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata kerjasama melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) akan diguna pakai berikutan maklumat KDN mengesahkan 420 sekolah berisiko tinggi kerana

sebahagian pelajar disyaki serius terbabit dalam gejala itu.

Katanya, beliau akan mendapatkan maklumat lanjut daripada Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohammed yang membangkitkan isu berkenaan.

"Kenyataan Nur Jazlan ada kebenarannya, masalah ini amat membimbangkan. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan polis di bawah seliaan beliau, jadi beliau ada maklumat berkaitan dadah dalam kalangan pelajar.

"Kita akan berusaha melalui kerjasama NBOS untuk tangani isu terbabit.

"Pegawai perhubungan polis su-

dah ada di sekolah dan kementerian juga sedang membuat tindakan bersama polis, berbincang cari jalan menangani masalah ini," katanya.

Tindakan bersama polis

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyertai lawatan kerja Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah ke daerah ini di Pusat Pengembangan Benih Cendawan di Kampung Padang Nyiur, semalam.

Sebelum ini, Nur Jazlan dilaporkan berkata, ujian saringan air kencing dilakukan AADK tahun lalu terhadap 36,675 pelajar sekolah, mendapati 1,475 terbabit dengan

dadah.

Daripada jumlah itu, 1,075 pelajar positif dadah perangsang jenis amphetamine (ATS) dengan pelajar Tingkatan Empat dan Lima menyumbang peratusan tertinggi sebanyak 73 peratus kepada jumlah keseluruhan pelajar terbabit.

Mengenai cubaan DAP mengadakan program sejarah parti itu dan Pulau Pinang, Mahdzir berkata, ia tidak dibenarkan, malah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang juga tidak meluluskannya.

"Saya lihat mereka (DAP) hanya nak manipulasi. Mereka kumpulan ekstremis dalam politik sehingga semua nak dipolitikkan termasuk kisah sekolah," katanya.